

Headline **Bengkel ADaP, Tutor bermula daftar sekarang**
 Date **13. Feb 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **1**
 Section **Pendidikan** Article Size **680** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**



SEBAGHIAN peserta mengikuti program ADaP dengan serius di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

MOHD. NASIR MOHD. NOOR

Konsep itu sejajar dengan penyajian bahan dalam ADaP yang tidak mengalakkan lewahan dalam penyajian bahan. Malah bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) akhbar sisipan ADaP, juga disediakan dalam format pentaksiran terkini mengikut skop kurikulum Kementerian Pelajaran. Peserta bengkel dinasihat agar tidak terpengaruh dengan bahan P&P terbitan pelbagai pihak yang tidak terlibat di dalam penggubalan kurikulum dan juga tidak mengikut sukatan pelajaran. Seramai 120 calon UPSR 2008 dari sekitar Lembah Kelang telah mengikuti bengkel itu. Peserta juga didedahkan dengan topik popular di dalam UPSR bagi setiap mata pelajaran. Bengkel dikendalikan di dalam bahasa Inggeris kecuali untuk subjek Bahasa Malaysia.

Sementara itu, bapa kepada salah seorang peserta, **Abdul Rahman Awang** berkata, walaupun UPSR masih jauh tetapi kesempatan dan peluang yang ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya. "Persediaan awal membolehkan murid mendalami teknik menjawab soalan yang diterangkan oleh penceramah," ujar beliau. Seorang ibu, **Manisah Abdullah** berkata, melalui bengkel ini, anaknya dapat memahami sesuatu topik itu dengan lebih mendalam dan terperinci. Ujarnya, panduan cara terbaik menjawab soalan membolehkan murid mendapat markah maksimum dan mengelakkan kesilapan yang lazim dilakukan semasa peperiksaan. Manakala murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ong Tiang Swee, Kuching, Sarawak, **Nabilah Hamdiah** berpendapat, bengkel ini dapat meningkatkan keyakinan diri khususnya ketika sesi soal jawab.

Menurut seorang lagi peserta, **Mohd. Nizal Nazrin Mohd. Ghazali** dari SK Bukit Beruntung, Selangor, pengendalian bengkel di dalam bahasa Inggeris (BI) bagi subjek Sains dan Matematik memudahkan pemahamannya. "Saya sudah biasa dengan terma yang digunakan kerana sejak darjah satu saya belajar dua subjek ini dalam BI," ujarnya. Peserta dari SK Serdang, Selangor, **Syazana Mohd. Diah** pula seronok dengan ilmu yang diperolehi dan suasana pembelajaran di kampus. Rakannya, **Nur Nabilah Che Roslan** dari Sekolah Rendah Agama Integrasi Bandar Baru Bangi, Selangor, berazam untuk mencuba teknik dan tip yang disarankan penceramah. "Maka murid tidak akan mengulang kaji secara membuta tuli," ujarnya.

Bengkel ADaP, Tutor bermula

Daftar sekarang

Oleh **AZMY MOHAMED**

BENGGEL pendidikan *Utusan Malaysia* untuk tahap Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi 2008, kini bermula. Ibu bapa, guru atau pelajar boleh mengikuti bengkel dengan mengisi borang yang akan disiarkan dalam sisipan ADaP dan

Tutor sepanjang Isnin hingga Rabu. Maklumat bagi setiap program dinyatakan dalam borang. Baru-baru ini, berlangsung bengkel ADaP di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Sepanjang program berkenaan, para peserta didedahkan dengan had dan skop topik yang perlu diulang kaji untuk menjawab soalan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan berkesan dan cemerlang. Penyelaras Program Bengkel ADaP UPSR, **Mohd. Nasir Mohd. Noor** berkata, semua penceramah adalah pakar dalam subjek masing-masing dan berpengalaman sebagai pemeriksa kertas peperiksaan.



Secara tidak langsung mereka dapat membantu murid untuk mengulang kaji dan membuat persediaan setakat yang dikehendaki oleh sukatan pelajaran sahaja. "Maka murid tidak akan mengulang kaji secara membuta tuli," ujarnya.



MANISAH ABDULLAH **ABDUL RAHMAN AWANG** **NABILAH HAMDIAH** **SYAZANA MOHD. DIAH** **NUR NABILAH CHE ROSLAN** **MOHD. NIZAL MOHD. GHAZALI**